

قَتِيْن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"SALAH satu elemen penting yang ditekankan oleh Islam ialah menjaga dan memelihara nyawa. Kerana itu, Islam adalah melarang keras umat Islam membunuh diri dan sekali gus mengharamkan segala bentuk pembunuhan terhadap sekalian hamba Allah dan makhluk yang tidak berdosa."
- Titah Sempena Majlis Menyambut Awal Tahun Baharu Hijrah 1438.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Dzariat, ayat 56.

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 4.43, SUBUH 4.53, SYURUK 6.10, DUHA 6.33, ZUHUR 12.15, ASAR 3.21, MAGHRIB 6.18, ISYAK 7.27

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 113

19 SEPTEMBER 2018 / 1440 محرم 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Pertahankan 'kebenaran' dalam ugama



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd, Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertitah, UNISSA mesti terus berazam untuk memperkasa pengajian dan pendidikan Islam tulen.

Semasa Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah agar UNISSA memperkuatkan hujah memerangi kebatilan, di mana kebatilan itu, tidak mesti muncul daripada dalam, bahkan banyak yang datang daripada luar, malah datang dengan pelbagai cara, ada dengan cara dibawa dan lebih lumrah ialah melalui aplikasi media.

"Kita orang Brunei dan UNISSA, jangan terlepas pandang perkara ini. Ini adalah racun, perlu dielakkan. Sebaliknya pertahankanlah 'kebenaran' dalam ugama, sekalipun banyak pihak tidak menyukainya. Selama mana Allah suka, maka itulah pilihan kita," titah baginda.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA yang diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3, 4, 12 dan 13).

Kampus kekal UNISSA di Mukim Labu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mahu UNISSA menjadi tonggak memelihara ugama yang perlu kukuh dan teguh, ibarat tembok yang kuat, berperanan menahan ombak besar.

"Kerana itu, melihat kepada

kepentingan ini, beta telah memperkenankan satu tapak, di Mukim Labu, Temburong bagi kampus kekal UNISSA didirikan. Beta juga memperkenankan satu peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi pembinaan kampus ini," titah baginda semasa Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah melahirkan harapan dengan adanya kampus ini kelak,

akan melonjaklah lagi reputasi UNISSA dan sekali gus merealisasikan harapan semua untuk melihat UNISSA sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini.

"UNISSA bukan sahaja perlu cemerlang dalam negara, malah juga mesti cemerlang di peringkat serantau dan global. Maka untuk itu, tibalah masanya untuk UNISSA merebut kedudukan dari segi sistem ranking di peringkat rantau mahupun dunia. Alangkah baiknya, jika UNISSA dapat membuktikan dirinya sebagai mampu untuk menjadi saingan kepada universiti-universiti yang lain," titah baginda.

Bagi mengakhiri titah, baginda juga turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga UNISSA yang morangkumi Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, ahli-ahli akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka.

Baginda bertitah mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Terdahulu, Kebawah DYMM dalam titahnya dengan sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di UNISSA.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

Kesihatan dan kesejahteraan warga emas perlu terus dijaga

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pagi ini pada Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pekan Tutong. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah saya ucapkan kepada Majlis Perundingan Mukim (MPM) Pekan Tutong, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong, Pejabat Kesihatan Tutong, Pusat Promosi Kesihatan dan semua yang terlibat dalam mengukayahkan Program Mukim Sihat bagi Mukim Pekan Tutong pada pagi ini dengan tema 'Mengekalkan Kesihatan Di Usia Emas' (Healthy Ageing) yang khusus memfokuskan kepada warga emas.

Proses penuaan merupakan proses semula jadi kehidupan yang dilalui oleh semua dan bermula sejak kita dilahirkan lagi. Namun begitu, pada lazimnya, kita tidak menyedari hakikat penuaan sehinggalah kita mengalami perubahan fisiologi atau secara fizikal, emosi maupun mental. Perbezaan yang ketara berlaku bila usia semakin meningkat dari setahun ke setahun, sehinggalah menjejaki ke usia warga emas.

Proses penuaan ini jua semakin ketara di kalangan penduduk di seluruh dunia yang mana bilangan orang yang hidup lebih lama rata-rata semakin ramai jika dibandingkan dengan beberapa dekad yang lalu. Jangka hayat seseorang yang lahir pada masa ini juga telah meningkat; sebagai misalan, di negara kita, jangka hayat pada masa ini telah meningkat kepada lingkungan 77 tahun, berbanding 71 tahun beberapa dekad lalu.

Di Negara Brunei Darussalam, golongan warga emas adalah dikategorikan sebagai mereka yang berusia 60 tahun ke atas. Mengikut perangkaan banci penduduk bagi tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemanjangan Ekonomi, jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam adalah seramai 421,300 orang, yang mana lebih kurang 9 peratus (iaitu dalam 39,795 orang) adalah terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Dari jumlah ini pula, 69 peratus adalah terdiri daripada mereka yang berusia 60-70 tahun; 23 peratus berusia 71-80 tahun dan 8 peratus berusia 81 tahun ke atas.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar Semasa berucap pada Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat Bagi Mukim Pekan Tutong anjuran Kementerian Kesihatan dan Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong dan Pusat Kegiatan Warga Emas, Tutong pada Ahad, 14 Zulhijjah 1439 Hijrah bersamaan 26 Ogos 2018 Masihi di Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong.

Mengikut kadar peningkatan jumlah penduduk dunia pada masa ini, menjelang tahun 2050, scorang daripada lima orang (20 peratus) penduduk dunia akan berusia 60 tahun ke atas. Ini tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam, yang mana kadar penduduk yang berumur 60 tahun ke atas, dijangkakan akan meningkat hingga lebih daripada 30 peratus.

'Mengekalkan Kesihatan Di Usia Emas' (Healthy Ageing) bukan sekadar memanjangkan hayat bahkan merupakan proses membangun dan mengekalkan keupayaan fungsi yang membawa kepada kesejahteraan semasa umur yang lebih lanjut. Ia melibatkan proses pembelajaran, pertukaran kepada amalan yang baik dan penghasilan strategi dan dasar yang direka untuk mempromosi kesejahteraan dan ketumbuhan peribadi individu yang lanjut usia.

'Mengekalkan Kesihatan Di Usia Emas' memerlukan:

- Perubahan minda dan sikap terhadap penuaan;
- Penyediaan dasar dan persekitaran yang age-friendly atau si mesra - umur;
- Penyediaan perkhidmatan atau program yang relevan dan mencukupi serta mudah diakses;
- Penglibatan warga emas sendiri;
- Pensejajaran sistem kesihatan terhadap keperluan warga emas; dan juga
- Penyediaan sistem penjagaan jangka panjang.

Golongan warga emas lazimnya menghadapi pelbagai penyakit-penyakit yang tertentu, termasuk penyakit-penyakit tidak berjangkit, penyakit sendi dan tulang serta simptom-simptom yang berkaitan dengan kerosakan deria. Akan tetapi, sebahagian daripada penyakit-penyakit ini boleh dicegah dan sebahagian lagi boleh dirawat atau dikawal supaya ia tidak mengganggu fungsi/aktiviti harian warga emas. Apa yang penting ialah tanda-tanda awal penyakit dapat dikesan dan diberi rawatan awal (menerusi pemeriksaan kesihatan berkala) dan rawatan serta nasihat yang diberikan oleh profesional kesihatan dapat dipatuhi dengan sebaik-baiknya, termasuk perjumpaan atau perjanjian yang dibuat di pusat-pusat kesihatan dan hospital.

Dalam hal ini, ahli-ahli keluarga dan rakan terdekat serta ahli-ahli akar umbi masyarakat seperti ketua-ketua kampung dan duta-duta kesihatan yang terpilih memainkan peranan yang penting dalam sama-sama prihatin terhadap penjagaan kesihatan dan kesejahteraan warga emas kita. Ini dapat dilaksanakan menerusi pelbagai kaedah secara formal dan tidak formal, duta-duta kesihatan yang dilantik nanti juga boleh menjadi penghubung di antara kumpulan warga emas atau masyarakat setempat dengan pihak kesihatan melalui pusat-pusat kesihatan dan hospital di setiap daerah mengenai hal-hal berkaitan dengan kesihatan atau perkhidmatan kesihatan yang disediakan. Mereka juga diharap akan menjadi pemangkin bagi program dan aktiviti teratur yang berkaitan dengan mempromosi amalan cara hidup sihat termasuk merancang, mengadvokasi atau mengguna pakai (*adopting*) program cara hidup sihat bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak institusi pendidikan setempat.

Tidak dinafikan warga emas merupakan golongan yang mempunyai banyak pengalaman, kepakaran dan kemahiran yang bernilai. Sumbangan, nasihat dan bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan kepada generasi baharu adalah menjadi asas kehidupan dan wadah yang tidak ternilai. Pembangunan negara yang dikecapi ketika ini merupakan hasil titik peluh dan penat lelah yang disumbangkan oleh golongan warga emas kita. Tanpa mereka sebelum ini, siapalah kita di masa sekarang. Dan sudah setentunya, semua kita yang ada pada ketika ini akan mengalami situasi yang sama di kemudian hari hasil daripada proses penuaan. Justeru itu, kesihatan yang baik amat diperlukan dalam melangkah ke usia emas demi untuk terus menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan masyarakat setempat dan negara amnya.

Ke muka 17

Dari Sidang Pengarang.

19 SEPTEMBER 2018 BERSAMAAN 1440 9

UNISSA UTAMAKAN KEMAHIRAN BERBAHASA ARAB

BAGI mengembangkan kemahiran dan kebolehan pelajar dalam menguasai bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah memperkenalkan satu sistem ujian bahasa Arab yang telah direka bentuk oleh oleh Fakulti Bahasa Arab bagi menilai tahap kemahiran bahasa Arab pelajar-pelajar yang ingin meneruskan pengajian di UNISSA ke peringkat prasiswazah dan juga peringkat lepas ijazah, yang bahasa pengantarannya bahasa Arab.

Sistem ujian bahasa yang dikenali sebagai Ujian International Arabic Language Testing System (IALTS) tersebut direka mengikut format ujian bahasa antarabangsa seperti International English Language Testing System (IELTS) dan sistem penilaian bahasa di universiti-universiti luar negara, dengan melakukan beberapa perubahan dan penambahan mengikut keperluan pengajian bahasa Arab di UNISSA.

Inisiatif UNISSA ini merupakan salah satu cara bagi memantapkan lagi penguasaan serta kemahiran penggunaan bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi dalam program-program yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Arab demi menjaga kualiti pengajaran dan pembelajaran, sesuai dengan keaduannya sebagai bahasa Al-Quran.

Di samping itu, dalam usaha memartabatkan penggunaan bahasa Arab, pelbagai kegiatan juga telah disediakan oleh pelajar Fakulti Bahasa Arab, UNISSA iaitu menerusi Karnival Bahasa Arab dan Explorasi Bahasa Arab di mana pelajar sekolah-sekolah Arab dari keempat-empat daerah turut sama mengambil bahagian. Hasil daripada kegiatan tersebut itu mengenai kemahiran bahasa Arab kalangan pelajar sekolah Arab juga turut dikaji.

Selain itu, dalam usaha meningkatkan kualiti pelajar-pelajar, UNISSA terus meluaskan lagi rangkaian kerjasama strategik dengan universiti-universiti luar negara melalui penghantaran pelajar yang cemerlang untuk mengikuti Program Pertukaran Pelajar (Student Exchange Programme) atau Program Pengajian Stadium ke Seberang Laut (Study Abroad Programme).

Alhamdulillah pada tahun ini, buat julung-julung kalinya, UNISSA telah menghantar sekumpulan pelajar dari Program Sarjana Muda Bahasa Arab ke Universiti Sultan Mohamad Ke-5, Maghribi bagi menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman di perskitaran yang baharu dalam usaha memantapkan lagi keupayaan pelajar tersebut menguasai bahasa Arab.

Dengan perkembangan ini jua, akan meningkatkan lagi keupayaan UNISSA dalam melahirkan graduan yang berkemahiran dalam menguasai bahasa Arab. Di samping itu, hasrat ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanall Bolkhair Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA pada Majlis Hafli Al-Takharuji Kali Ke-8 UNISSA, di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini, yang menginginkan agar UNISSA akan terus berazam untuk memperkasa pengajaran dan pendidikan Islam tulen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, UNISSA adalah tempat menimba ilmu, tempat berguru dan tempat membina sahsiah para siswazah, oleh yang demikian baginda mengingatkan semua bahawa kelahirannya UNISSA bukan setakat untuk menambah bilangan universiti di negara ini, malah penubuhan UNISSA bertujuan untuk menyediakan pengajian tinggi Islam tulen seja.

Di samping itu, baginda juga bertitah bahawa sebagai pelengkap, UNISSA perlu menyediakan program-program berkualiti dan sekali gus mengajarkan kepada para pelajar-pelajar kemahiran-kemahiran bagi mengadaptasi keperluan sekarang dan akan datang, termasuklah dengan mengemaskinikan semua program akademik yang ada.

Bagi mempersiapkan UNISSA dengan masa depan yang lebih cemerlang setiap usaha-usaha yang dijalankan dan dirancang akan dapat meningkatkan keupayaan UNISSA melahirkan graduan yang akan menjadi para ulama yang dikagumi. - Ketua Penyuntingan (Rd).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
PEKAN BANGAR 32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG 32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C
KUALA BELAIT 32 24 °C	32 24 °C	31 25 °C

Wallaahuastum Bissawab
Jabatan Kaji-cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya dan mungkar."

Masihi SEPTEMBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
19	RABU	9	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.21	6.18	7.27
20	KHAMIS	10	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27
21	JUMAAT	11	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26
22	SABTU	12	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
23	AHAD	13	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
24	ISNIN	14	4.42	4.52	6.09	6.31	12.14	3.22	6.16	7.25
25	SELASA	15	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) **JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK** | **JABATAN PENGARUKATAN BAYAR** | **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam** | **NDMC 2380214**

Pertahankan 'kebenaran' dalam ugama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohd. Sahrizal Haji Said

Dari muka 1

Terdahulu, baginda bertitah agar kita sama-sama memahami bahawa UNISSA adalah sebuah gedung ilmu.

Titah baginda, UNISSA adalah tempat menimba ilmu, tempat berguru dan tempat membina syakhshiah para siswazah, oleh yang demikian baginda bertitah mengingatkan semula bahawa kelahiran UNISSA bukan setakat untuk menambah bilangan universiti di negara ini, malah penubuhan UNISSA bertujuan untuk menyediakan pengajian tinggi Islam tulen sejati.

Kerana ini, titah baginda lagi UNISSA perlu dipastikan agar tidak menyimpang ke mana-mana.

"Berjalanlah di atas landasan asal mengagungkan ilmu, bagi

satu perubahan pesat yang mencabar. Para graduan perlu mampu untuk menguasai ilmu dan menggunakannya bagi pembangunan. Inilah cabaran Abad Ke-21 untuk dipenuhi. Semua orang tidak boleh lalai menghadapinya," titah baginda.

Oleh itu, baginda seterusnya bertitah sebagai pelengkap, UNISSA perlu menyediakan program-program berkualiti dan sekaligus mengajarkan kepada para pelajarinya kemahiran-kemahiran bagi mengadaptasi keperluan sekarang dan akan datang, termasuklah dengan mengemaskinikan semua program akademik yang ada.

"Pastikan semua program menepati sasaran. Kita tidak mahu, yang tersurat sahaja kelihatan cantik, tetapi yang tersirat jelik. Misalnya,

semua orang mengakui kebaikan undang-undang, tetapi terhadap undang-undang Islam, ada yang memandang serong. Ini juga, turut menjadi kewajipan kepada UNISSA, untuk membetulkan perspektif yang lapok ini, yang amat mengelirukan itu," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (D.C.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA berkenan berangkat pada Majlis Hafi Al-Takharruj Ke-8, UNISSA berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang jemputan dari luar negara yang dijemput pada Majlis Hafi Al-Takharruj Ke-8 UNISSA (atas). Sementara gambar atas kanan dan kanan, antara Menteri-menteri Kabinet dan jemputan khas yang hadir pada majlis tersebut.

